

30 AUG 1998

Ling-Kebangsaan

BERSEDIA BUAT PENGORBANAN LEBIH BESAR, KATA LING

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini mengajak rakyat Malaysia supaya berusaha lebih gigih dan bersedia membuat pengorbanan lebih besar untuk memulihkan kemelesetan ekonomi negara.

Beliau berkata rakyat tidak harus berputus asa dalam menghadapi cabaran paling sengit itu sejak negara mencapai kemerdekaan 41 tahun lepas dan harus yakin bahawa mereka boleh memulihkan kemelesetan itu dalam jangkamasa yang lebih pendek.

"Negara kita pernah mengalami kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an. Dengan kerjasama dan usaha gigih kerajaan dan rakyat, negara kita bukan sahaja dapat mengatasi kemelesetan ekonomi, bahkan muncul semula sebagai sebuah negara yang mempunyai kekuatan ekonomi yang lebih kukuh," katanya dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan ke-41 esok.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, meminta semua lapisan masyarakat supaya terus memberi sokongan penuh kepada kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha memulihkan ekonomi.

Pada masa yang sama rakyat juga mesti bersatu padu dan berdisiplin untuk menjamin kestabilan politik dan keamanan negara terus kekal, katanya.

Dr Ling berharap rakyat terus bekerjasama dengan kerajaan agar segala langkah tegas dan positif, yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ekonomi, dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Saya yakin, dengan semangat 'Malaysia Boleh', kita akan dapat mengatasi kemelesetan ekonomi dalam jangkamasa yang lebih pendek dan menuju masa depan yang lebih cerah," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang akan mengadakan persidangan perundingan krisis ekonomi pada 20 Sept ini untuk membolehkan rakyat Malaysia memberikan idea mengenai cara terbaik mengatasi masalah ekonomi negara.

"Saya akan membuat temujanji dengan Tun Daim Zainuddin (Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri) minggu bagi mendapatkan kerjasama penuh daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan kerajaan untuk persidangan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Lim berharap persidangan itu dapat mempertemukan Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Daim dan anggota MTEN dengan rakyat Malaysia bagi memperjelaskan mengenai krisis ekonomi itu.

-- BERNAMA

AFY NAK